



SYARAT DAN PERATURAN FESTIVAL LAGU-LAGU DAKWAH PERINGKAT NEGERI SARAWAK 1444H/ 2022M

1. PENDAHULUAN

1.1 Syarat dan Peraturan Festival Lagu-lagu Dakwah Peringkat Negeri Sarawak diwujudkan sebagai garis panduan dalam membuat pemilihan, menjalankan pertandingan dan menentukan pemenang melalui proses pengadilan yang tersusun dan saksama.

2. JAWATANKUASA PENGELOLA

2.1 Festival Lagu-lagu Dakwah Peringkat Negeri Sarawak dikelolakan oleh sebuah Jawatankuasa Pengelola yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak.

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

3.1 Terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERMASTAUTIN DI SARAWAK** untuk kategori seperti berikut:

3.1.1 **Kategori Terbuka** - Berumur tidak kurang daripada **Lapan Belas (18) Tahun**

3.1.2 **Kategori Sekolah Agama MIS:**

- (i) Sekolah Menengah - Pelajar Menengah Rendah (Tingkatan 1-3)
- (ii) Sekolah Rendah - Pelajar Tahap Dua (Tahun 4-6)

3.2 Terbuka kepada kategori berkumpulan sahaja. Minima peserta dalam satu kumpulan adalah empat (4) orang dan maksimum tidak melebihi enam (6) orang.

3.3 Tiap-tiap ahli kumpulan hendaklah terdiri daripada peserta lelaki sahaja atau peserta perempuan sahaja.

3.4 Bagi Kategori Terbuka satu saringan akan dilakukan dan diadili oleh Jemaah Hakim dan hanya 10 kumpulan terbaik sahaja akan layak ke peringkat akhir Pertandingan Lagu-lagu Dakwah.

4. IRINGAN MUZIK DAN LAGU

- 4.1 Setiap kumpulan hendaklah mempersembahkan **satu (1) buah lagu ciptaan baru** berdurasi tidak melebihi **4 minit**.
- 4.2 Penciptaan lagu merujuk kepada penghasilan lagu (termasuk adunan muzik yang lengkap) dan lirik lagu. Hasil karya hendaklah yang asli dan BELUM PERNAH diterbitkan oleh syarikat rakaman, syarikat penerbitan atau persembahan luar.
- 4.3 Lagu-lagu hasil ciptaan boleh dalam berbagai genre lagu irama Nasheed komersil atau pop kontemporari, atau genre yang bersesuaian namun wajib menerapkan mesej dakwah. Genre berbentuk *rock, rap, blues* dan *heavy metal* adalah tidak dibenarkan.
- 4.4 Lagu ciptaan tidak boleh menyamai lagu-lagu yang sedia ada melebihi 4 bar.
- 4.5 Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai murni Islam yang bersesuaian bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, kehidupan sejahtera, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya.
- 4.6 Senikata lagu hendaklah dalam bahasa Malaysia, Arab atau Inggeris atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Arab dan Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Senikata atau lirik yang menggunakan Bahasa Arab hendaklah ditulis dalam Bahasa Arab.
- 4.7 Setiap penyertaan yang dihantar hendaklah disertakan dengan:
 - (i) Borang penyertaan yang lengkap;
 - (ii) Salinan Lirik lagu dalam format 'pdf'; dan
 - (iii) Rakaman lagu dalam format 'wav'.
- 4.8 Pihak penganjur berhak **MEMBATALKAN** penyertaan yang menggunakan lirik dan lagu yang dipertandingkan di mana-mana pertandingan sebelum pertandingan ini, atau terdapat unsur-unsur plagiat di dalam lagu yang dihasilkan.
- 4.9 Pihak penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh pertandingan sekiranya lagu-lagu yang diterima tidak menepati kriteria dan citarasa yang diinginkan.
- 4.10 Pertandingan akhir akan menggunakan "**Minus One dalam format Wav File**" atau boleh menggunakan format **HD-mp4** jika ada disertakan *video clips* gubahan sendiri.
- 4.11 Alat muzik tradisional/ moden yang **TIDAK** melibatkan sokongan teknikal (*back line*) adalah dibenarkan semasa pertandingan dan hendaklah sama seperti rakaman yang dihantar kepada urus setia.

5. PENGHAKIMAN

- 5.1 Jemaah Hakim Festival Lagu-lagu Dakwah akan dilantik oleh pihak penganjur.
- 5.2 Keputusan jemaah hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- 5.3 Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut:
- (i) Suara
 - (ii) Lirik
 - (iii) Ciptaan Melodi
 - (iv) Gubahan Musik
 - (v) Persembahan/ Kreativiti
- 5.4 Seseorang yang terlibat sebagai penulis atau pencipta atau penggubah atau jurulatih atau ketua bagi mana-mana pasukan yang menyertai pertandingan adalah tidak layak menjadi panel hakim untuk pertandingan ini.
- 5.5 Rakaman video atau audio ke atas senarai lagu dan lirik adalah menjadi kepunyaan dan hak milik penganjur. Dengan itu peserta bersetuju untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti publisiti selepas pertandingan jika dikehendaki seperti:
- Liputan berita pertandingan
 - Laman web penganjur
 - Laman sosial penganjur
 - Pameran & Promosi dan Penerbitan – seperti televisyen, radio, brosur, risalah dan laporan untuk diedarkan kepada media, digunakan dlm siaran media, serantau dan untuk digunakan untuk tujuan promosi dan yang berkaitan tanpa sebarang tuntutan bayaran dan hak.
- 5.6 Pakaian peserta hendaklah bersopan dan menutup aurat sesuai dengan nilai-nilai Islam.

6. LAIN-LAIN KETERANGAN

- 6.1 Sebarang kemalangan sepanjang pertandingan ini dijalankan, kecederaan atau kerugian semasa pertandingan ini adalah menjadi tanggungjawab peserta dan tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan kepada pihak penganjur.
- 6.2 **Semua Kos Perbelanjaan** untuk menyertai Festival Lagu-lagu Dakwah adalah ditanggung oleh kumpulan masing-masing.
- 6.3 Kumpulan yang Berjaya dan **LAYAK** ke Festival Lagu-lagu Dakwah akan dimaklumkan oleh pihak penganjur.

6.4 Semua Syarat dan Peraturan Pertandingan **WAJIB** dipatuhi namun **perkara 4.1, 4.2, 4.4 dan 4.8 adalah dikecualikan bagi penyertaan Sekolah Agama MIS.**

6.5 Penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak urus setia seperti alamat berikut:

**Urus Setia
Festival Lagu-lagu Dakwah Peringkat Negeri Sarawak
Jabatan Agama Islam Sarawak
Tingkat 14, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah
93400 Kuching**



ATAU

Secara dalam talian dengan mengimbas QR CODE.

6.6 Tutup penyertaan adalah pada jam 4 petang hari **Jumaat, 14 Oktober 2022.**

6.7 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Urus Setia
Festival Lagu-Lagu Dakwah Peringkat Negeri Sarawak
Jabatan Agama Islam Sarawak
Tingkat 14, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, 93400 Kuching
Tel: 082 507 075/ 078
Faks: 082 507 241
Emel: kgjais@sarawak.gov.my

7. PENAFSIRAN

Sekiranya berlaku ketidakjelasan mana-mana syarat dan peraturan di atas, tafsiran Urus Setia ini adalah muktamad.

8. PINDAAN KEPADA SYARAT DAN PERATURAN

Syarat-syarat dan peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan demi mempertingkatkan mutu penganjuran dan memberikan kesaksamaan kepada semua pihak yang terlibat.



**BORANG PENYERTAAN FESTIVAL LAGU-LAGU DAKWAH
PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 1444H/ 2022M**

Borang ini hendaklah ditaip/ ditulis dengan jelas semasa diisi.

A. MAKLUMAT KUMPULAN				
NAMA KUMPULAN	:			
ALAMAT LENGKAP	:			
NO. TEL. BIMBIT/ PEJ/ (R)	:	1.		No. Faks:
		2.		
B. MAKLUMAT LAGU				
TAJUK LAGU	:			
PENCIPTA LAGU	:			
PENGGUBAH MUSIK	:			
KATEGORI	:			
JUMLAH MASA (<i>minit: saat</i>)	:			
PENULIS LIRIK	:			
TAHUN CIPTAAN	:			

C. PENYERTAAN DALAM PERTANDINGAN LAGU-LAGU DAKWAH. Adakah pernah menyertai pertandingan sebelum ini **YA/ TIDAK** * Jika 'ya' sila nyatakan keterangan berikut:

Berapa kali menyertai pertandingan sebelum ini? _____ Kali

Pernahkah terpilih ke Peringkat Akhir? **Pernah/ Tidak Pernah.**

* Jika pernah, sila nyatakan tahun dan pencapaian yang diperolehi;

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

* *sila potong yang mana tidak berkenaan*

D. MAKLUMAT AHLI KUMPULAN

BIL.	NAMA AHLI	NO. K/P	TARIKH LAHIR	UMUR
1				
2				
3				
4				
5				
6				

** sila sertakan salinan fotostat Kad Pengenalan mengikut susunan pengisian maklumat ahli kumpulan dan gambar kumpulan untuk simpanan dan semakan pihak Urus Setia;*

E. PENGESAHAN Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar dan lagu penyertaan ini adalah ciptaan asal yang bebas dari sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak. Saya juga bersetuju lagu yang dipertandingkan, rakaman audio-video dan sebarang bentuk persembahan adalah menjadi hak milik penganjur.

.....

Tandatangan

No. KP:

Tarikh :

=====

F. UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA

Tarikh terima: _____ **No. Penyertaan:** _____

Permohonan diterima/ ditolak . Jika ditolak sila nyatakan sebab.

Tarikh Tutup Penyertaan:

Tutup penyertaan adalah pada jam 4 petang hari Jumaat, 14 Oktober 2022.